

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 JANUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 27

### Rekod pelaburan kumpul RM45.6b tahun lalu

## Rekod pelaburan terkumpul RM45.6b tahun lalu

**Johor Bahru:** Johor Corporation (JCorp) dalam perancangan untuk mengembangkan portfolio pembangunan industri dan perbandaran bahagian Pelaburan Hartanah, JLand Group Sdn Bhd (JLG).

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Syed Mo-

hamed Syed Ibrahim berkata, JLG yang adalah anak syarikat JCorp itu mempunyai pencapaian yang baik dan berjaya merekodkan pelaburan terkumpul berjumlah RM45.6 billion sepanjang tahun lalu.

Katanya, perancangan itu memabitkan hartanah berkualiti dan bermutu tinggi

bukan sahaja dalam negara, tetapi juga pasaran antarabangsa.

“Misi JLG menjadi penyedia penyelesaian hartanah sehati yang memberikan kelebihan kompetitif kepada perniagaan sambil memenuhi keperluan, aspirasi dan kitaran hayat perniagaan,

industri dan generasi akan datang.

“JLG akan bekerjasama dengan peserta industri bagi mengenalpasti, merintis dan mengguna pakai teknologi serta penyelesaian baharu dalam sektor hartanah dan infrastruktur,” katanya.